

Melayu pecah empat angkara BBM

BH 13 FEB 2001

KOTA KINABALU, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kewujudan Badan Bertindak Melayu (BBM) menyebabkan orang Melayu kini berpecah empat kelompok, berbanding tiga sebelum ini.

Sebelum ini, kata Perdana Menteri, orang Melayu sudah terbahagi kepada tiga kelompok iaitu Umno, Pas dan Keadilan. Sekarang wujud pula BBM, menjadikan masyarakat Melayu terpisah kepada empat kumpulan.

“Saya benar-benar tidak faham... mereka menyatakan mahu menyatupadukan orang Melayu, tetapi apa yang berlaku sekarang ialah daripada terbahagi kepada tiga iaitu Umno, Keadilan dan Pas, sekarang kita ada empat termasuk BBM,” katanya.

Ditanya sama ada BBM mempunyai agenda tersembunyi, Dr Mahathir berkata: “Saya tidak tahu sama ada mereka menyembunyikan sesuatu atau tidak, tetapi ia

nampak agak jelas.”

Beliau menjawab soalan pemberita pada sidang akhbar sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di akhir lawatan dua harinya ke Sabah, hari ini.

Sabtu lalu, mesyuarat jawatan-kuasa BBM memutuskan tidak akan meminta maaf kepada mana-mana pihak, termasuk Umno yang dikatakan tidak senang hati dengan tuntutan dan teguran dibuat pada perhimpunan “Tak Akan Melayu

Hilang Di Dunia” minggu lalu.

Ketua Penyelaras BBM, Datuk Ibrahim Ali, berkata BBM tidak segan silu membuat tuntutan supaya orang Melayu diberi perhatian sewajarnya kerana segala teguran dan permintaan itu dibuat dengan niat tulus dan ikhlas.

Perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu sebelum ini mencetuskan kontroversi kerana ada peminat mengkritik dasar dan kepimpinan kerajaan secara terbuka.